



**BERGAMBAR** kenangan semasa ri jelajah ilmu di SMK Sandakan II.

# GPS Universiti Malaysia Sabah anjur program Jelajah Ilmu

NST 28.3.2019 8

**SANDAKAN:** Sekretariat Kelab Gerakan Pengguna Siswa (GPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan program Jelajah Ilmu dengan tema "generasi bijak" di SMK Sandakan II.

Fasilitator, Ai Drye Waybin memberitahu bahawa program itu membawa manfaat kepada pihak universiti khususnya peserta dan pelajar dari sekolah yang turut menyertai.

"Kali ini masuk kali kedua acara ini diadakan yang mana sebelum ini diadakan di SMK Membakut II dan semua aktiviti yang diadakan sepanjang program ini memfokuskan kepada pendedahan kehidupan dalam kampus kepada para pelajar di sekeliling menengah yang bakal melangkah ke alam universiti kelak.

"Saya yakin perkongsian yang kita berikan kepada adik-adik kita mampu membantu mereka untuk mendapat gambaran awal tentang pengurusan masa, jadual, kewangan dan diri di kampus satu hari nanti," katanya kepada New Sabah Times.

Kelab GPS turut bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam melaksanakan program tersebut.

Antara aktiviti yang diadakan adalah sesi ceramah dan taklimat tentang hak pengguna.

"Program ini pasti melahirkan banyak perkara positif dalam kalangan peserta dan penganjur itu sendiri.

"Saya yakin, kemahiran insaniah dan semangat kerjasama mampu dipupuk melalui penganjuran acara sebegini," kata Ai Drye lagi.

Sementara itu, Pengetua SMK Sandakan II, Mohamad Tan Bacho juga turut menzahirkan rasa gembira dengan penganjuran jelajah ilmu itu.

"Saya berharap program sebegini akan diteruskan lagi demi memberi suntikan semangat kepada murid-murid untuk lebih berusaha demi melangkah ke alam universiti nanti," katanya.

Seramai 36 pelajar UMS terlibat dalam program tersebut.